

# SEKSYEN 3:

## PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

- Perspektif Keseluruhan
- Perbelanjaan 2019
- Tinjauan 2020
- Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan
- Kesimpulan



## SEKSYEN 3: PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

### Perspektif Keseluruhan

**K**erajaan Persekutuan terus memberi penekanan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan. Langkah ini selaras dengan komitmen Kerajaan untuk memulihkan kewangan awam bagi memastikan kedudukan fiskal yang kukuh dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Di samping itu, Kerajaan juga akan memberi tumpuan kepada pelaporan perbelanjaan yang lebih telus dan bertanggungjawab.

Kerajaan telah mempertingkatkan kecekapan perbelanjaan dengan mengutamakan program dan projek berdasarkan keperluan dan kepentingan serta mendapatkan lebih penjimatan kos melalui kajian semula beberapa projek. Projek tersebut yang diteruskan dengan semakan semula skop dan kos yang lebih rendah dijangka meningkatkan nilai faedah terbaik dan mengurangkan ketirisan di samping menjana kesan pengganda tinggi kepada ekonomi. Projek yang terlibat termasuk Transit Aliran Massa Laluan 2 (MRT2), Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Ringan Laluan 3 (LRT3) serta projek infrastruktur dan kemudahan awam lain.

Kerajaan juga komited menyelesaikan tunggakan bayaran balik cukai yang dianggarkan RM37 bilion sebahagiannya dibiayai oleh dividen khas PETRONAS secara *one-off*. Di samping itu, beberapa langkah penambahbaikan diteruskan terhadap dasar pengurusan dan pelaporan perbelanjaan awam bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti yang lebih tinggi. Usaha ini akan dilaksanakan secara berterusan berteraskan tadbir urus dan amalan terbaik dalam menguruskan sumber awam.

### Perbelanjaan 2019

Pendekatan belanjawan berasaskan sifar (ZBB) diguna pakai dalam merangka Belanjawan 2019 iaitu perbelanjaan diperuntukkan berdasarkan justifikasi keperluan dan

keutamaan. Pelaksanaan ZBB bertujuan untuk memastikan kecekapan dan keberkesanan belanjawan bagi mencapai objektif disasarkan. Pelaksanaan perbelanjaan berhemat berdasarkan keupayaan Kerajaan penting bagi menyokong pengurusan fiskal yang kukuh berikutan kekangan sumber Kerajaan.

Peruntukan Kerajaan Persekutuan 2019 disemak semula kepada RM316 bilion iaitu lebih tinggi daripada anggaran belanjawan RM314.6 bilion terutamanya untuk menampung perbelanjaan mengurus (OE) yang lebih tinggi. Daripada jumlah ini, OE berjumlah RM262.3 bilion atau 17.3% daripada KDNK manakala perbelanjaan pembangunan (DE) sebanyak RM53.7 bilion atau 3.5% daripada KDNK. Selepas ditolak perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan yang merangkumi 36.1% daripada jumlah perbelanjaan, sektor sosial terus menerima peruntukan terbesar 34.1% atau 7.1% daripada KDNK, diikuti sektor ekonomi (14%; 2.9% daripada KDNK), keselamatan (9.6%; 2% daripada KDNK), dan pentadbiran am (6.2%; 1.3% daripada KDNK).

Peruntukan OE pada 2019 disemak semula dengan tambahan RM2.4 bilion terutamanya untuk menampung keperluan program sedia ada berdasarkan keperluan mendesak oleh kementerian. Sebahagian daripada peruntukan perbelanjaan tambahan disalurkan untuk subsidi bahan api berikutan keputusan Kerajaan untuk menjadual semula pelaksanaan program subsidi bahan api bersasar; dan menetapkan siling bermula Mac 2019 bagi harga runcit RON95 dan diesel pada RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter. Selain itu, peruntukan tambahan juga disediakan untuk subsektor pendidikan dan kesihatan termasuk bantuan makanan asrama, perkhidmatan pembersihan sekolah dan bekalan perubatan.

Peruntukan OE dianggarkan terus meningkat 13.6% kepada RM262.3 bilion berbanding 2018 iaitu 17.3% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh peruntukan tunggakan bayaran balik cukai secara *one-off*.

Walau bagaimanapun, jika peruntukan bayaran balik cukai tidak diambil kira, OE dianggarkan berkurang 2.5% kepada RM225.3 bilion atau 14.8% daripada KDNK. Sebahagian besar OE adalah untuk emolumen, bayaran persaraan, bayaran khidmat hutang serta perkhidmatan dan bekalan, merangkumi 65.5%. Emolumen dijangka meningkat 2.6% kepada RM82 bilion terutamanya disebabkan kenaikan gaji tahunan. Bayaran persaraan pula dianggarkan lebih tinggi pada RM26.6 bilion berikutan kenaikan tahunan dan untuk menampung sekitar 853,000 pesara dan waris. Di samping itu, bayaran khidmat hutang dianggarkan terus meningkat kepada RM33 bilion. Perkhidmatan dan bekalan pula diunjurkan pada RM30.2 bilion dengan 73% untuk penyenggaraan dan pembaikan, perkhidmatan profesional dan bekalan bahan lain.

Perbelanjaan untuk subsidi dan bantuan sosial dianggarkan berkurang kepada RM23.6 bilion berbanding 2018 terutamanya disebabkan oleh subsidi bahan api dan Bantuan Sara Hidup (BSH) yang lebih rendah. Pengurangan subsidi bahan api berikutan andaian harga minyak mentah yang lebih rendah dengan purata USD63 setong. Sementara itu, BSH dianggarkan pada RM5 bilion (2018: RM6.4 bilion) berikutan penstrukturan

semula kriteria penerima dan jumlah bantuan bermula 2019. Sekitar 3.6 juta isi rumah terus menerima BSH yang distruktur semula iaitu isi rumah dengan anak berkeperluan khas menerima bantuan yang lebih tinggi dan manfaat yang lebih baik berbanding program BSH sebelum ini.

Perbelanjaan Kerajaan terus difokuskan kepada pelaburan infrastruktur awam dan membangunkan pemboleh ekonomi untuk merangsang pertumbuhan dalam tahun keempat Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Peruntukan DE akan disalurkan kepada program dan projek dengan kesan pengganda yang tinggi kepada ekonomi di samping memastikan kesejahteraan rakyat. Peruntukan DE pada 2019 dianggarkan RM53.7 bilion iaitu lebih rendah berbanding anggaran asal RM54.7 bilion berikutan semakan dan penjadualan semula beberapa projek pembangunan. Daripada jumlah ini, RM51.7 bilion merupakan peruntukan secara langsung manakala RM2 bilion berbentuk pinjaman kepada kerajaan negeri dan entiti berkaitan Kerajaan.

Sektor ekonomi kekal sebagai penerima terbesar merangkumi 53.7% daripada jumlah DE diikuti sektor sosial 28%, keselamatan 12.5% dan pentadbiran am 5.8%. Perbelanjaan bagi

**Jadual 3.1. Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Persekutuan mengikut Komponen 2018 – 2020**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2018	2019 <sup>1</sup>	2020 <sup>3</sup>	2018	2019 <sup>1</sup>	2020 <sup>3</sup>	2018	2019 <sup>1</sup>	2020 <sup>3</sup>
Emolumen	79,989	82,045	82,611	3.8	2.6	0.7	34.6	31.3	34.3
Bayaran persaraan	25,177	26,557	27,055	10.4	5.5	1.9	10.9	10.1	11.2
Bayaran khidmat hutang	30,547	33,000	34,945	9.6	8.0	5.9	13.2	12.6	14.5
Pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri	7,605	7,571	7,749	7.0	-0.4	2.4	3.3	2.9	3.2
Perkhidmatan dan bekalan	35,283	30,178	38,546	1.6	-14.5	27.7	15.3	11.5	16.0
Subsidi dan bantuan sosial	27,516	23,569	24,186	23.1	-14.3	2.6	11.9	9.0	10.0
Pembelian aset	447	673	650	-13.4	50.6	-3.4	0.2	0.3	0.3
Bayaran balik dan hapus kira	883	921	987	9.2	4.3	7.2	0.4	0.4	0.4
Pemberian kepada badan berkanun	13,763	13,218	15,272	-2.0	-4.0	15.5	6.0	5.0	6.3
Lain-lain	9,750	44,528 <sup>2</sup>	9,019	-5.0	356.7	-79.7	4.2	16.9	3.8
<b>Jumlah</b>	<b>230,960</b>	<b>262,260</b>	<b>241,020</b>	<b>6.1</b>	<b>13.6</b>	<b>-8.1</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Bahagian kepada KDNK (%)</b>	<b>16.0</b>	<b>17.3</b>	<b>14.9</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Termasuk peruntukan tunggakan bayaran balik cukai secara *one-off*.

<sup>3</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2020.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

sektor ekonomi pada 2019 dianggarkan RM28.8 bilion dan ditumpukan kepada pembangunan infrastruktur pengangkutan awam; peningkatan aktiviti perdagangan dan perindustrian; penambahbaikan kemudahan awam; serta mempergiat pertanian dan pembangunan luar bandar. Subsektor pengangkutan diperuntukkan RM11.2 bilion terutamanya untuk membiayai projek MRT2 dan Lebuhraya Pan Borneo serta menaik taraf sistem dan infrastruktur Landasan Keretapi Berkembar Elektrik Lembah Klang (KVDT) fasa 1 menghubungkan Rawang dan Salak Selatan. Subsektor tenaga dan utiliti awam diperuntukkan RM2.6 bilion manakala perdagangan dan perindustrian RM3 bilion. Antara projek utama yang sedang dilaksanakan termasuk *River of Life*, menaik taraf loji rawatan kumbahan, program pembiayaan usahawan serta skim pinjaman mudah untuk automasi dan pemodenan. Tiga subsektor tersebut merangkumi 31.3% daripada jumlah DE.

Perbelanjaan untuk sektor sosial dijangka meningkat 16.6% kepada RM15 bilion berbanding 2018 dengan subsektor utama termasuk pendidikan dan latihan, kesihatan serta perumahan. Subsektor pendidikan dan latihan menerima peruntukan terbesar RM8 bilion. Program dan projek di bawah subsektor ini termasuk pembinaan sekolah baharu; menaik taraf dan membaik pulih sekolah, kuarters guru dan institusi tertiar; peluasan infrastruktur dan fasiliti hospital pengajar; pelaksanaan program latihan dan pendidikan MARA; serta menambah baik program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).

Peruntukan bagi subsektor kesihatan dijangka meningkat 27.4% kepada RM2.3 bilion. Projek dan program di bawah subsektor ini termasuk membina dan menaik taraf hospital dan klinik termasuk Klinik Kesihatan Padang Besar, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Kota Marudu. Sementara itu, subsektor perumahan diperuntukkan RM1.8 bilion terutamanya untuk membina rumah mampu milik untuk kumpulan sasar.

Sektor keselamatan diperuntukkan RM6.7 bilion pada 2019. Perbelanjaan disalurkan untuk program dan projek yang bertujuan memperkukuh dan meningkatkan pertahanan dan keselamatan

dalam negeri. Perbelanjaan utama termasuk perolehan dan menaik taraf peralatan ketenteraan dan keselamatan; membina dan membaik pulih pejabat, kuarters dan kem; serta menyelenggara sistem komunikasi bersepadu. Sementara itu, perbelanjaan bagi sektor pentadbiran am termasuk perbelanjaan untuk projek ICT, pengurusan aset serta menaik taraf pejabat dan peralatan Kerajaan dijangka meningkat 45.3% kepada RM3.2 bilion (2018: RM2.2 bilion).

## Tinjauan 2020

Sebanyak RM297 bilion atau 18.4% daripada KDNK diperuntukkan bagi Belanjawan 2020 iaitu RM241 bilion atau 81.1% untuk OE manakala baki RM56 bilion untuk DE. Daripada jumlah ini, 37.9% diperuntukkan untuk program dan projek di bawah sektor sosial diikuti oleh ekonomi (16.2%), keselamatan (11.3%) dan pentadbiran am (7.5%), manakala baki 27.1% merupakan perbelanjaan tanggungan dan bayaran pindahan. Kementerian Pendidikan (KPM) (RM64.1 bilion), Kementerian Kewangan (RM37.8 bilion) dan Kementerian Kesihatan (KKM) (RM30.6 bilion) merupakan tiga kementerian yang menerima peruntukan tertinggi merangkumi 44.6% daripada jumlah peruntukan.

Kerajaan akan menyalurkan peruntukan untuk mengukuhkan pembentukan modal bagi memastikan kemampuan pertumbuhan ekonomi jangka masa panjang. Sehubungan itu, suntikan tambahan sebanyak 0.2% daripada KDNK disediakan melalui DE untuk mempercepat pelaksanaan projek dengan kesan pengganda tinggi dan strategik seperti pembinaan landasan kereta api dan jalan raya, menaik taraf sekolah, klinik dan loji rawatan air serta memperluas jaringan infrastruktur jalur lebar di pinggir bandar. Langkah segera ini dijangka dapat mengekalkan momentum pertumbuhan dan mengembangkan kapasiti ekonomi, seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Peruntukan OE dianggar berjumlah RM241 bilion atau 14.9% daripada KDNK pada 2020 dan meningkat 7% berbanding RM225.3 bilion pada 2019 tanpa mengambil kira peruntukan tunggakan bayaran balik cukai secara *one-off* sebanyak RM37 bilion. Sebahagian

besar OE disalurkan untuk emolumen yang mencakupi 5.1% daripada KDNK, diikuti perkhidmatan dan bekalan (2.4%), bayaran khidmat hutang (2.2%), bayaran persaraan (1.7%) serta subsidi dan bantuan sosial (1.5%).

Emolumen kekal sebagai komponen OE terbesar dan dianggarkan meningkat kepada RM82.6 bilion terutamanya berikutan kenaikan gaji tahunan. Peruntukan ini bertujuan untuk membayar gaji dan upah, elaun dan pelbagai imbuhan lain kepada hampir 1.4 juta penjawat awam Kerajaan Persekutuan dengan 67.5% diperuntukkan kepada KPM dan KKM terutamanya untuk guru, doktor dan jururawat. Bayaran persaraan yang merangkumi bayaran pencen bulanan, bayaran ganjaran secara *one-off* dan bayaran balik kepada pesara bagi gantian cuti rehat dianggarkan meningkat 1.9% kepada RM27.1 bilion. Sekitar 75% bayaran persaraan terdiri daripada bayaran pencen bulanan untuk hampir 874,000 pesara dan waris. Memandangkan komitmen pencen yang semakin meningkat dan keprihatinan terhadap kemampuan skim pencen semasa, Kerajaan sedang meneliti pilihan skim yang lebih mantap dengan matlamat untuk mengurus dengan cekap tanggungan pencen pada masa hadapan.

Perkhidmatan dan bekalan yang merupakan komponen OE kedua terbesar dijangka meningkat 27.7% kepada RM38.5 bilion. Peningkatan ini terutamanya disebabkan oleh perbelanjaan yang lebih tinggi bagi pembaikan dan penyenggaraan serta perkhidmatan profesional. Bagi komponen ini, KKM akan menerima peruntukan tertinggi (28.2%) dengan sebahagian besar untuk perolehan bekalan perubatan serta pembaikan dan penyenggaraan fasiliti perubatan. KPM menerima peruntukan kedua tertinggi (16%) dengan sebahagian besar peruntukan untuk pembaikan dan penyenggaraan kemudahan sekolah, perkhidmatan keselamatan dan perkhidmatan pembersihan.

Subsidi dan bantuan sosial diunjur pada RM24.2 bilion terutamanya untuk BSH dan bantuan kebajikan; subsidi berkaitan padi dan minyak; pampasan tol; serta bantuan berkaitan pendidikan termasuk biasiswa. Subsidi minyak dianggar lebih rendah dengan jangkaan pelaksanaan semula sistem apungan terkawal untuk RON95 dan diesel seiring dengan pelaksanaan program subsidi bahan

api bersasar. Sementara itu, Kerajaan akan menyediakan BSH berjumlah RM5 bilion pada 2020 bertujuan mengurangkan beban kewangan penerima.

Pemberian kepada badan berkanun yang sebahagian besarnya untuk perbelanjaan operasi seperti emolumen serta perkhidmatan dan bekalan dianggarkan meningkat sebanyak 15.5% kepada RM15.3 bilion. Peningkatan ini terutamanya disebabkan keperluan lebih tinggi oleh universiti awam dan hospital pengajar berjumlah RM8.6 bilion atau 56.5% daripada jumlah pemberian kepada badan berkanun (2019: RM8.2 bilion; 62.1%). Sementara itu, pemberian dan serahan kepada kerajaan negeri dianggarkan RM7.7 bilion dengan RM5.7 bilion merupakan pemberian yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Bayaran khidmat hutang Kerajaan Persekutuan dijangka mencatat RM34.9 bilion. Daripada jumlah ini, 97.7% diperuntukkan untuk pembayaran kupon atas hutang dalam negeri terutamanya untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia, manakala baki adalah untuk pinjaman luar pesisir. Nisbah bayaran khidmat hutang kepada OE dianggarkan 14.5%.

Peruntukan DE pada 2020 akan disalurkan bagi menggalakkan pembangunan ekonomi, merapatkan jurang infrastruktur bandar dan luar bandar serta meningkatkan taraf hidup rakyat. Sebanyak RM56 bilion akan diperuntukkan iaitu RM53.5 bilion adalah peruntukan secara langsung manakala baki RM2.5 bilion berbentuk pinjaman kepada kerajaan negeri dan entiti berkaitan Kerajaan. Peningkatan peruntukan terutamanya untuk mempercepat pelaksanaan program dan projek bagi menyokong momentum pertumbuhan dan mengukuhkan kapasiti ekonomi jangka masa panjang. Selain itu, peruntukan juga disediakan untuk pelan rasionalisasi FELDA dan Lembaga Tabung Haji serta komitmen khidmat hutang yang tinggi oleh SRC International Sdn. Bhd. Daripada peruntukan 2020, sebanyak RM53.2 bilion diperuntukkan untuk 4,744 projek sambungan manakala RM2.8 bilion untuk 722 projek baharu. Sektor ekonomi kekal sebagai penerima terbesar merangkumi 55.4% daripada DE diikuti sektor sosial (26.9%), keselamatan (11.7%) dan pentadbiran am (6%).

Sektor ekonomi dijangka menerima peruntukan RM31 bilion (2019: RM28.8 bilion) sejajar dengan usaha untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing ekonomi. Peruntukan dalam sektor ini terutamanya untuk subsektor pengangkutan, tenaga dan utiliti awam serta perdagangan dan perindustrian. Subsektor pengangkutan kekal sebagai penerima terbesar yang merangkumi 21.8% daripada jumlah DE atau RM12.2 bilion. Projek di bawah subsektor ini termasuk pengangkutan awam dan lebuh raya seperti MRT2, KVDT dan Lebuh raya Pan Borneo; peluasan lapangan terbang di Sandakan dan Kota Bharu; serta menyenggara dan menaik taraf jalan raya, jambatan, pelabuhan dan landasan kereta api.

Sejumlah RM4.3 bilion atau 7.7% daripada jumlah DE akan diperuntukkan bagi subsektor tenaga dan utiliti awam. Peruntukan ini sejajar dengan usaha Kerajaan untuk menyediakan akses yang lebih baik kepada perkhidmatan, utiliti dan kemudahan utama termasuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti perkhidmatan bekalan air dan pembetulan; meningkatkan akses dan keboleharapan bekalan elektrik; dan menaik taraf infrastruktur tebatan banjir. Subsektor pertanian dan pembangunan luar bandar akan menerima RM3 bilion atau

5.3% daripada jumlah DE terutamanya untuk sistem pengairan padi, aktiviti penanaman semula kelapa sawit dan getah, serta dana usahawan pertanian.

Subsektor perdagangan dan perindustrian diperuntukkan RM2.4 bilion iaitu merangkumi 4.4% daripada jumlah DE. Program dan projek di bawah subsektor ini ditumpukan kepada aktiviti mempromosi perdagangan dan pelaburan termasuk program pembangunan usahawan, pembangunan koridor dan ketersediaan industri dalam mengadaptasi teknologi IR 4.0. Di samping itu, subsektor alam sekitar akan diperuntukkan RM1.7 bilion terutamanya bagi projek pemeliharaan dan pemuliharaan sungai bagi mengurangkan risiko banjir serta membina dan menaik taraf loji rawatan kumbahan.

Perbelanjaan di bawah sektor sosial dianggarkan RM15.1 bilion atau 26.9% daripada jumlah DE. Daripada jumlah ini, RM7.9 bilion diperuntukkan untuk subsektor pendidikan dan latihan termasuk membina semula sekolah daif di seluruh negara serta mengubah suai dan menambah baik infrastruktur sekolah. Selain itu, peruntukan juga disediakan untuk menaik taraf kemudahan di institusi tertiar

**Jadual 3.2. Perbelanjaan Pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut Sektor 2018 – 2020**

	RM juta			Perubahan (%)			Bahagian (%)		
	2018	2019 <sup>1</sup>	2020 <sup>2</sup>	2018	2019 <sup>1</sup>	2020 <sup>2</sup>	2018	2019 <sup>1</sup>	2020 <sup>2</sup>
<b>Ekonomi</b>	<b>36,103</b>	<b>28,820</b>	<b>31,019</b>	<b>49.3</b>	<b>-20.2</b>	<b>7.6</b>	<b>64.4</b>	<b>53.7</b>	<b>55.4</b>
<i>antaranya:</i>									
Pengangkutan	17,004	11,209	12,195	63.0	-34.1	8.8	30.3	20.9	21.8
Perdagangan dan perindustrian	2,512	3,022	2,446	-33.9	20.3	-19.1	4.5	5.6	4.4
Tenaga dan utiliti awam	2,254	2,584	4,338	-8.9	14.6	67.9	4.0	4.8	7.7
Pertanian dan pembangunan luar bandar	2,133	2,310	2,973	-3.9	8.3	28.7	3.8	4.3	5.3
Alam sekitar	1,665	1,945	1,734	-19.2	16.8	-10.8	3.0	3.6	3.1
<b>Sosial</b>	<b>12,873</b>	<b>15,010</b>	<b>15,068</b>	<b>3.6</b>	<b>16.6</b>	<b>0.4</b>	<b>22.9</b>	<b>28.0</b>	<b>26.9</b>
<i>antaranya:</i>									
Pendidikan dan latihan	6,505	8,020	7,864	3.1	23.3	-1.9	11.6	14.9	14.0
Kesihatan	1,773	2,258	2,898	20.6	27.4	28.3	3.2	4.2	5.2
Perumahan	1,285	1,830	1,491	63.7	42.4	-18.5	2.3	3.4	2.7
<b>Keselamatan</b>	<b>4,929</b>	<b>6,689</b>	<b>6,557</b>	<b>-7.6</b>	<b>35.7</b>	<b>-2.0</b>	<b>8.8</b>	<b>12.5</b>	<b>11.7</b>
<b>Pentadbiran am</b>	<b>2,190</b>	<b>3,181</b>	<b>3,356</b>	<b>-25.5</b>	<b>45.3</b>	<b>5.5</b>	<b>3.9</b>	<b>5.8</b>	<b>6.0</b>
<b>Jumlah</b>	<b>56,095</b>	<b>53,700</b>	<b>56,000</b>	<b>25.0</b>	<b>-4.3</b>	<b>4.3</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>	<b>100.0</b>
<b>Bahagian kepada KDNK (%)</b>	<b>3.9</b>	<b>3.5</b>	<b>3.5</b>						

<sup>1</sup> Anggaran disemak.

<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2020.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.

dan latihan; menyediakan dana pendidikan, latihan dan penyelidikan; dan membina hospital pengajar.

Sebanyak RM2.9 bilion atau 5.2% daripada jumlah DE akan diperuntukkan bagi subsektor kesihatan pada 2020. Peruntukan ini disalurkan terutamanya untuk membina, menaik taraf dan menyenggara hospital dan klinik serta perolehan peralatan perubatan. Langkah ini selaras dengan keutamaan Kerajaan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti dan akses kepada perkhidmatan kesihatan yang lebih baik. Projek utama yang sedang dalam pelaksanaan di bawah subsektor ini termasuk pembinaan Hospital Kemaman dan makmal patologi di Hospital Sultanah Aminah, peluasan Hospital Segamat dan menaik taraf Hospital Kajang.

Kerajaan komited untuk meningkatkan pemilikan rumah kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana dengan terus menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi serta berkualiti melalui pelbagai skim. Subsektor perumahan diperuntukkan RM1.5 bilion atau 2.7% daripada jumlah DE. Peruntukan ini khusus bagi pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan kuarters penjawat awam serta pemuliharaan projek perumahan swasta terbengkalai.

Sektor keselamatan yang terdiri daripada pertahanan dan keselamatan dalam negeri kekal menjadi keutamaan dengan anggaran perbelanjaan RM6.6 bilion atau 11.7% daripada jumlah DE. Sebanyak RM3.2 bilion akan diagihkan untuk subsektor pertahanan manakala RM3.4 bilion bagi subsektor keselamatan dalam negeri. Perbelanjaan ini terutamanya untuk membangunkan perkhidmatan rangkaian bersepadu, mengukuhkan pertahanan awam, menaik taraf peralatan ketenteraan dan keselamatan serta meningkatkan pengawasan dan penguatkuasaan. Peruntukan ini juga bertujuan membina dan membaik pulih kemudahan seperti balai polis, kem tentera dan kuarters anggota keselamatan.

Sektor pentadbiran am diperuntukkan RM3.4 bilion pada 2020. Perbelanjaan sektor ini terutamanya untuk membangunkan sistem perakaunan kewangan dan perkhidmatan maklumat; peluasan pusat data sektor awam; dan mengubah suai serta menaik taraf bangunan Kerajaan. Projek utama yang sedang dalam pelaksanaan di bawah subsektor ini termasuk Rangkaian Telekomunikasi Bersepadu Malaysia, Komunikasi Bersepadu Kerajaan Malaysia dan penyenggaraan kuarters kerajaan.

## **Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan**

Baki pada 31 Disember 2018 bagi Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan<sup>1</sup> yang dikeluarkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan berjumlah RM43.2 bilion atau 3% daripada KDNK. Daripada jumlah ini, RM22.4 bilion merupakan hutang oleh syarikat. Hutang oleh kerajaan negeri merangkumi RM15.3 bilion terutamanya bagi projek bekalan air. Di samping itu, hutang oleh badan berkanun berjumlah RM5.1 bilion diikuti kerajaan tempatan RM0.2 bilion, organisasi lain RM0.2 bilion dan koperasi RM6.9 juta.

Pengeluaran pinjaman melalui DE pada 2019 dianggarkan RM2 bilion. Penerima pinjaman terdiri daripada syarikat (73.8%), kerajaan negeri (23%), badan berkanun (1.9%) dan organisasi lain (1.3%). Pengeluaran pinjaman tertinggi diberi kepada syarikat untuk projek infrastruktur jalan manakala kerajaan negeri untuk projek bekalan air.

Bayaran balik pinjaman berjumlah RM900.3 juta dijangka diterima pada 2019. Dalam hal ini, kerajaan negeri terus menjadi pembayar hutang utama kepada Kerajaan Persekutuan dengan anggaran bayaran balik berjumlah RM598.6 juta atau 66.5% daripada jumlah bayaran balik pinjaman. Sarawak dan Sabah dijangka mencatat bayaran balik pinjaman tertinggi kerajaan negeri pada 2019.

<sup>1</sup> Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan adalah sebahagian daripada aset kewangan Kerajaan Persekutuan yang terdiri daripada kemudahan pinjaman yang diberikan kepada kerajaan negeri, kerajaan tempatan, badan berkanun, syarikat, koperasi dan pelbagai organisasi.



Sebanyak RM159.3 juta atau 17.7% daripada jumlah bayaran balik pinjaman dijangka diterima daripada syarikat. Tiga pembayar utama bagi 2019 ialah Yayasan Tekun Nasional, Projek Lintasan Kota Sdn. Bhd. dan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd. dengan anggaran bayaran balik pinjaman berjumlah RM60.1 juta. Bayaran balik daripada badan berkanun dianggarkan berjumlah RM128.8 juta manakala kerajaan tempatan RM6.9 juta. Sementara itu, bayaran balik pinjaman daripada organisasi lain seperti kelab dan persatuan dianggarkan berjumlah RM6.7 juta.

Kerajaan Persekutuan terus menyediakan pinjaman di bawah DE pada 2020 kepada kerajaan negeri, badan berkanun, syarikat dan pelbagai organisasi. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan dari Kumpulan Wang Pembangunan dianggarkan RM2.5 bilion. Pinjaman yang diberikan kepada syarikat dianggarkan RM1.9 bilion, kerajaan negeri RM505.5 juta, badan berkanun RM68.8 juta dan organisasi lain RM24.2 juta. Terimaan pinjaman oleh syarikat akan digunakan terutamanya untuk membiayai program dan projek berkaitan bekalan air dan elektrik, pemulihan tanah, penanaman semula kelapa sawit dan pembinaan lebuh raya. Sementara itu, pinjaman yang diterima oleh kerajaan negeri, kerajaan tempatan dan badan berkanun akan digunakan terutamanya untuk menaik


taraf bekalan air, infrastruktur pembetungan serta membiayai projek pembangunan kawasan tanaman.

Kerajaan Persekutuan dianggarkan menerima bayaran balik pinjaman berjumlah RM766.5 juta pada 2020. Sebanyak RM448 juta bayaran balik dijangka diterima daripada kerajaan negeri dengan bayaran balik tertinggi oleh Sarawak dan Sabah. Syarikat pula dijangka membuat bayaran balik berjumlah RM240.3 juta manakala bayaran balik pinjaman selebihnya dijangka daripada kerajaan tempatan (RM6.9 juta), badan berkanun (RM63.9 juta) dan organisasi lain (RM7.4 juta).


## Kesimpulan

Kerajaan Persekutuan akan terus meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan serta memastikan amalan terbaik dan telus dalam pengurusan perbelanjaan awam. Perbelanjaan akan ditumpukan kepada projek berimpak tinggi dan berpaksikan rakyat serta berdasarkan keperluan dan keupayaan untuk berbelanja tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan awam. Langkah ini sejajar dengan usaha mengoptimalkan perbelanjaan dan nilai faedah terbaik, seterusnya menjamin kewangan awam yang kukuh bagi menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan.


Rajah 3.1. Jumlah Perbelanjaan mengikut Sektor




Rajah 3.2. Jumlah Perbelanjaan mengikut Kementerian dan Agensi




Rajah 3.3. Perbelanjaan Mengurus mengikut Komponen (% kepada OE)




Rajah 3.4. Perbelanjaan Mengurus mengikut Sektor



Rajah 3.5. Perbelanjaan Pembangunan mengikut Sektor



Rajah 3.6. Pinjaman Boleh Dituntut Persekutuan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan mengikut Penghutang (Akhir 2018)



<sup>1</sup> Anggaran disemak.  
<sup>2</sup> Anggaran belanjawan tidak termasuk langkah Belanjawan 2020.  
<sup>3</sup> OE termasuk peruntukan Kumpulan Wang Terkanun.  
 Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia.